



**MANUAL PENGGUNA**  
**SISTEM PROFIL KAMPUNG PERINGKAT**  
**NASIONAL (SPKPN)**

**BAGI**  
**PENGGUNA UMUM**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT**  
**UNIT PERANCANG EKONOMI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

1.	PENGENALAN .....	1
2.	LATAR BELAKANG SISTEM.....	1
3.	OBJEKTIF SISTEM.....	2
4.	FUNGSI .....	3
5.	SKOP.....	3
6.	PENGENALAN KEPADA MENU .....	5
7.	Log Masuk .....	6
8.	Senarai Kampung .....	8
8.1.	Muat Turun / Cetak Maklumat Kampung.....	8
8.2.	Papar Maklumat Kampung.....	11
8.3.	Lampiran Maklumat Kampung.....	11

## **1. PENGENALAN**

Dokumen Manual Pengguna Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) ini disediakan sebagai panduan langkah-langkah kepada pengguna sistem dalam menggunakan SPKPN. Tujuan utama manual pengguna ini disediakan adalah untuk menerangkan secara terperinci setiap modul yang terdapat di dalam SPKPN bagi memudahkan pihak pengguna sistem memahami dan mencapai modul berkaitan. Ianya juga disediakan sebagai rujukan kepada pegawai baru sekiranya pegawai yang bertanggungjawab bertukar.

Setiap modul di dalam SPKPN akan dijelaskan secara terperinci mengikut kategori pengguna.

## **2. LATAR BELAKANG SISTEM**

Mesyuarat JKTN Bil.2/2013 telah memutuskan supaya UPE berperanan sebagai peneraju SPKPN. Mesyuarat JKTN Bil.2/2013 antara lain juga telah bersetuju dengan cadangan UPE untuk mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri dalam mendapatkan maklumat bagi SPKPN.

Usaha bagi mewujudkan SPKPN adalah berasaskan Mesyuarat JKTN Bil.1/2013 pada 7 Februari 2013 yang telah mencadangkan hanya satu sahaja sistem profil kampung diperlukan untuk rujukan di peringkat nasional. UPE telah dicadang menjadi penyelaras penyediaan profil kampung bagi peringkat nasional dengan mengintegrasikan maklumat-maklumat yang dimiliki oleh pelbagai agensi.

Seksyen Pembangunan Wilayah (SPW) telah mengadakan 3 siri mesyuarat bersama kementerian/ agensi yang terlibat secara langsung dengan perancangan dan pembangunan luar bandar pada 12 Mac 2013, 21 Mac 2013 dan 5 April 2013. SPW seterusnya telah mengadakan Bengkel Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional pada 20 dan 21 Jun 2013 di PICC bagi

menghasilkan satu profil kampung yang lengkap dan komprehensif serta boleh digunakan oleh semua kementerian/ agensi berkepentingan dalam perancangan dan pembangunan kawasan luar bandar serta dalam mengukur tahap/indeks kualiti sesebuah kampung.

SPKPN adalah berteraskan web di mana iaanya dibangunkan menggunakan PHP dan MySQL sebagai pangkalan data. SPKPN mengandungi 15 modul utama di mana ia merangkumi kemasukan input maklumat dan penyediaan laporan.

### **3. OBJEKTIF SISTEM**

Objektif utama SPKPN dibangunkan adalah untuk :

- a) Mewujudkan satu pangkalan data profil kampung yang komprehensif dan menjadi rujukan utama peringkat nasional;
- b) Mengukur tahap atau indeks kesejahteraan hidup sesebuah kampung;
- c) Memberi panduan dalam perancangan dasar dan strategi pembangunan negara (bandar dan luar bandar) pada masa hadapan;
- d) Memantapkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan kampung di bandar dan luar bandar;
- e) Memantau pencapaian *outcome* dan impak program dan projek pembangunan kampung; dan
- f) Mewujudkan sistem penyampaian yang berkesan (pertindihan penyaluran program bantuan).

## **4. FUNGSI**

Fungsi utama SPKPN dibangunkan adalah untuk :

- a) Menyimpan maklumat profil kampung yang berada di seluruh Malaysia secara atas talian dan mudah dicapai oleh pengguna;
- b) Menghasilkan indeks kesejahteraan hidup sesebuah kampung yang akan digunakan oleh kementerian ke atas sesuatu ukuran pembangunan kampung.

## **5. SKOP**

Maklumat profil kampung mengandungi 15 modul seperti berikut :

- a) Modul Pendaftaran pengguna sistem dan juga pemetaan peranan.
- b) Modul A - Maklumat Asas
  - i. Maklumat Penghulu Mukim/Pentadbir Mukim/ Pegawai Kemajuan Perkampungan - PM
  - ii. Maklumat Penyelaras/Penggerak /Penyelaras Agensi - PA
  - iii. Maklumat Pengerusi J/K Pembangunan/Ketua Komuniti/Ketua Peneroka – KK
- c) Modul B - Sejarah Dan Moto
- d) Modul C - Konsep Susun Atur
- e) Modul D - Demografi
  - i. Umur
  - ii. Tahap Pendidikan/Kelulusan Tertinggi
  - iii. Pendapatan Kasar Isi Rumah - Purata
  - iv. Pekerjaan
  - v. Golongan Khas
- f) Modul E - Kegunaan Tanah
  - i. Jenis Hak Milik Tanah
  - ii. Keluasan Tanah Yang Diusahakan

- iii. Keluasan Tanah Yang Terbiar
- g) Modul F
  - i. Kemudahan Perniagaan
  - ii. Pertanian
  - iii. Penternakan/Perikanan
  - iv. Perniagaan
  - v. Premis Niaga
  - vi. Stesen Pam Minyak
  - vii. Koperasi
- h) Modul G - Hakmilik Penduduk
  - i. Kenderaan
  - ii. Hak Milik Penduduk
- i) Modul H - Kemudahan Asas
  - i. Infrastruktur
  - ii. Bekalan Air
  - iii. Sistem Pembentungan
  - iv. Pusat Pendidikan
  - v. Capaian/Akses Liputan
  - vi. Kemudahan Masyarakat
  - vii. Rumah/Pusat Jagaan
  - viii. Khidmat Kutipan Sampah
  - ix. Khidmat Pengangkutan Awam
- j) Modul I - Kesejahteraan Kampung
  - i. Penganjuran Aktiviti
  - ii. Wabak Penyakit
  - iii. Kualiti Alam Sekitar
  - iv. Isu & Masalah Sosial
  - v. Kursus/Latihan Yang Telah Dihadiri Oleh Institusi Kepimpinan Kampung

- vi. Projek Ekonomi Untuk Mengisi Tabung Jawatankuasa Pembangunan/Ketua Komuniti
- k) Modul J - Organisasi/Persatuan/Pertubuhan
- l) Modul K - Kejayaan dan Keistimewaan
  - i. Kategori Individu
  - ii. Kategori Kampung
  - iii. Kategori Potensi
- m) Modul L - Status Tindakan Isu/Masalah
- n) Modul M - Kursus/Latihan yg diperlukan
- o) Modul penjanaan pelaporan mengikut tahunan

## **6. PENGENALAN KEPADA MENU**

SPKPN mengandungi 4 menu utama yang terdiri daripada :

- a) Menu Log Masuk
- b) Menu Laman Utama
- c) Menu Senarai Kampung
- d) Menu Laporan

Setiap menu akan dijelaskan dengan lebih terperinci pada para seterusnya berdasarkan Kumpulan dan Tahap Pengguna.

## 7. Log Masuk

Pengguna sistem perlu log in ke dalam SPKPN bagi mencapai maklumat profil kampung. Berikut merupakan langkah-langkah untuk log masuk SPKPN:

- Masukkan nama pengguna dan katalaluan pada ruang yang disediakan dan klik pada butang Log Masuk

The screenshot shows the SPKPN login interface. At the top, there's a banner with the text "SISTEM PROFIL KAMPUNG PERINGKAT NASIONAL (SPKPN)" and the Malaysian coat of arms. Below the banner are three links: "Log Masuk", "Hubungi Kami", and "Manual Pengguna". The main area is titled "Log Masuk" and contains two input fields: "ID Pengguna" with the value "750309025544" and "Katalaluan" with the value "\*\*\*\*\*". Below these fields are two buttons: "Log Masuk" (highlighted with a red arrow) and "Set Semula". At the bottom of the form, there's a copyright notice: "Hakcipta © 2016 Seksyen Pengurusan Maklumat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri" and "Paparan terbaik dengan skrin beresolusi 1024 x 786 piksel menggunakan browser Mozilla Firefox atau Chrome versi terkini".


Rajah 1 : Laman Log Masuk Pengguna

- Mesej ralat akan dipaparkan sekiranya nama pengguna atau katalaluan yang dimasukkan adalah tidak tepat

The screenshot shows the SPKPN login interface with an error message. A red box highlights the message "• ID Pengguna / Katalaluan Salah." A red arrow points from this message to the text "Mesej ralat yang dipaparkan" on the right. The rest of the page is identical to Rajah 1, including the banner, links, and footer.

Rajah 2 : Mesej ralat dipaparkan sekiranya nama pengguna atau katalaluan salah

- c) Laman utama SPKPN akan dipaparkan sekiranya pengguna berjaya login ke sistem
- d) Paparan utama menunjukkan Pengenalan Am berkaitan sistem. Menu – menu yang boleh dicapai oleh Pengguna Umum adalah Laman Utama, Senarai Kampung dan Keluar.



Rajah 3 : Laman Utama SPKPN setelah berjaya login masuk

## 8. Senarai Kampung

Menu Senarai Kampung hanya memaparkan senarai kampung yang telah didaftarkan di bawah tanggungjawab pengguna yang log masuk ke sistem.

- a) Klik pada Senarai Kampung dan paparan seperti Rajah 4 akan dipaparkan.

The screenshot shows the 'Senarai Kampung' (List of Villages) page of the SPKPN system. At the top, there is a banner with a background image of a boat on water and palm trees, featuring the text 'SISTEM PROFIL KAMPUNG PERINGKAT NASIONAL (SPKPN)' in large red letters. Below the banner, there are three dropdown menus: 'Negeri', 'Daerah / Jajahan / Bahagian', and 'Mukim / Daerah (Sarawak)'. There is also a search bar labeled 'Nama Kampung' and a 'Cari' button. Below these filters, a table displays a list of 7 villages. The table has columns for Bil (Index), Agensi Penyelaras (Agency), Negeri (State), Daerah (District), Mukim (Mukim), Parlimen (Parliamentary Constituency), DUN (Dun), Name (Nama Kampung), and Tindakan (Actions). Each row contains icons for viewing, editing, and deleting. At the bottom left, it says 'Dipaparkan 1 - 7 drpd. 7 rekod' (Displayed 1 - 7 of 7 records). At the bottom right, there is a small blue square with the number '1'.

Bil	Agensi Penyelaras	Negeri	Daerah	Mukim	Parlimen	DUN	Nama Kampung	Tindakan
1.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Kedah	Baling	Baling	Baling	Bayu	Kampung Melayu Kluang	
2.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Johor	Batu Pahat	Bandar Rengit	Ayer Hitam	Yong Peng	Kampung Yong Peng	
3.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Johor	Batu Pahat	Bandar Ayer Hitam	Ayer Hitam	Yong Peng	Kampung Ayer Hitam	
4.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Johor	Johor Bahru	Bandar Johor Bahru	Pengerang	Penawar	E	
5.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Kedah	Baling	Baling	Baling	Bayu	Baling Kebelakang	
6.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Johor	Batu Pahat	Bandar Ayer Hitam	Ayer Hitam	Semarang	Parit Raja	
7.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Johor	Batu Pahat	Bandar Yong Peng	Ayer Hitam	Yong Peng	Kampung Yong Peng	

Rajah 4 : Paparan senarai kampung

- b) Pengguna boleh membuat carian kampung berdasarkan Negeri, Daerah/Jajahan/Bahagian, Mukim/Daerah dan nama kampung.

### **8.1. Muat Turun / Cetak Maklumat Kampung**

- a) Klik pada  untuk muat turun dan mencetak laporan profil kampung.
- b) Borang Profil Kampung dalam format pdf akan dipaparkan.

### **8.2. Papar Maklumat Kampung**

- a) Klik pada  untuk memaparkan maklumat penuh bagi setiap kampung.
- b) Maklumat profil kampung mengikut modul akan dipaparkan.
- c) Sila klik pada  untuk mencetak maklumat kampung mengikut modul.

### **8.3. Lampiran Maklumat Kampung**

- a) Klik pada  untuk memaparkan gambar, pelan & peta kampung yang telah dimuat naik di dalam Modul B dan C.
- b) Sila klik pada  untuk mencetak gambar yang telah dimuat naik.